

# Kerajaan mampu bayar bonus hasil produktiviti kakitangan

UM -- 8 JAN 2002

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemampuan kerajaan membayar bonus dan kenaikan gaji 10 peratus kepada kakitangan awam dalam keadaan kegawatan ekonomi adalah hasil produktiviti mereka yang meningkat serta majoritinya tidak terlibat dengan rasuah.

Perdana Menteri berkata, hanya sedikit sahaja kakitangan kerajaan yang terlibat dengan kegiatan rasuah dan kerana itu kerajaan mampu mengutip cukai sepenuhnya bagi membangunkan negara dan membayar gaji kakitangan awam.

Menurut beliau, di sesetengah negara, rasuah berleluasa dan kakitangan ke-

rajaannya mengamalkan konsep tawar menawar dalam pembayaran cukai dan ini menjejaskan pendapat-an negara itu.

Sehubungan itu kata beliau, kakitangan awam di negara ini perlu lebih telus dan menunjukkan dedikasi terhadap kerja bagi menjamin negara terus maju pada masa depan.

Beliau berucap melancarkan Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga di Bukit Kiara di sini, hari ini. Hadir sama Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani Surat Akujanji oleh KSN, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, ketua-

ketua setiausaha, ketua-ketua jabatan dan para pemimpin Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Menurut Dr. Mahathir, tawar menawar yang dilakukan pekerja awam di sesetengah negara itu membuka ruang kepada amalan rasuah.

"Bila gaji tak cukup, kena bergantung kepada cara lain," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi kakitangan awam dan gembira bahawa tidak ramai yang terlibat dengan rasuah.

"Ia mungkin kerana nilai dan budaya hidup di negara kita yang tidak menggalakkan kegiatan rasuah," katanya.

Beliau berkata, kerajaan amat berterima kasih kepada kakitangan awam yang bertanggungjawab dan menjalankan tugas dengan amanah.

Beliau menyeru mereka supaya terus meningkatkan produktiviti bagi menentukan negara berjaya menghadapi cabaran globalisasi.

"Kalau pentadbir kerajaan baik dan cekap saya yakin negara kita akan terus maju pada masa hadapan," katanya.

Tambahnya, kakitangan awam juga perlu memahami dasar-dasar dan pendekatan kerajaan dalam memastikan ia dapat dilaksanakan sebaik mungkin.